



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

SISKOM Jelajah Kampung Kuala Lama” oleh Pelajar HPD233

Penulis: Juriah Japar, Venusya Devung Welly, Simon Ganai, Aina Syahirah Khasmadi, dan Alexander Andrian Louise

MUKAH: Pada 7 dan 8 Januari 2023, pelajar Kokurikulum Khidmat Masyarakat II (HPD233) yang seramai 39 orang bersama Jurulatih, Puan Juriah Binti Japar telah menganjurkan satu projek SULAM UiTM, Siswa Dalam Komuniti (SISKOM) “Jelajah Kampung Kuala Lama” bertempat di Kampung Kuala Lama. Program ini merupakan anjuran bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kampung Kuala Lama. Pada hari pertama iaitu pada 7 Januari 2023, para pelajar menjalankan “Projek Demographics Data Profiling Kampung Kuala Lama” yang bertujuan untuk membantu JKKK Kampung Kuala Lama mendapatkan maklumat data penduduk disekitar kawasan kampung. Sebanyak 94 responden telah berjaya ditemubual daripada 129 data berdasarkan maklumat daripada Ketua Kampung, Encik Junaidi @Yakub bin Usop. Ianya telah mencapai 72.87% daripada keseluruhan penduduk Kampung Kuala Lama.



Pada hari kedua iaitu 8 Januari 2023, sebanyak empat aktiviti telah dilaksanakan iaitu program “*Donation With Heart*”, Projek Taman Botani Tabika KEMAS Kampung Kuala Lama, Projek Landskap dan Pembersihan Dewan Serbaguna Seri Pekala, dan Majlis Penangguhan SISKOM Jelajah Kampung Kuala Lama yang dirasmikan oleh Yang Berhormat DUN N.57 Tellian, Encik Royston Bin Valentine. Aktiviti “*Donation With Heart*” dan Taman Botani Tabika KEMAS Kampung Kuala Lama ini melibatkan Jawatankuasa Penyelaras Tabika KEMAS yang terdiri daripada para murid, guru-guru dan ibu bapa. Para pelajar telah mengumpulan barangan terpakai yang masih elok seperti mainan, pakaian, dan buku untuk diberikan kepada murid Tabika KEMAS. Selain itu, sumbangan berbentuk peralatan alat tulis serta buku juga diberikan kepada semua murid tabika tersebut.

“SISKOM Jelajah Kampung Kuala Lama” ini telah ditutup dengan majlis penangguhan yang dihadiri oleh Yang Berhormat DUN N.57 Tellian, Encik Royston Bin Valentine atas jemputan Ketua Kampung Encik Junaidi@Yakub Bin Usop. Pengalaman menjalankan aktiviti ini bersama-sama dengan komuniti setempat telah banyak mengajar para pelajar UiTM Mukah dalam menimba ilmu baharu dan berinteraksi dengan lebih dekat bersama penduduk kampung.